

**NO SOALAN :41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.11.2017**

**Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah Kerajaan gagal untuk mengkaji balik / menaikkan jumlah pembayaran khas kepada Sabah melalui Artikel 112C / Artikel 112D / Bahagian IV Kurungan (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan jelaskan tahun dan garis-masa "Kerajaan Sabah" telah menuntut kaji-balik RM26.7 Juta sebagai Pembayaran Khas tersebut (sebab selalu dinyatakan Kerajaan Berjaya dan PBS pernah meminta Kaji Balik seperti disoal tersebut).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian khas kepada Sabah adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 112C dan disenaraikan dalam

Bahagian IV dan V, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Penetapan amaun pemberian khas adalah sebagaimana yang ditetapkan di bawah peruntukan-peruntukan berkenaan dan hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua Persekutuan dan negeri yang berkenaan. Setiap tahun, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan Pemberian Khas kepada Negeri Sabah dengan kadar berkuat kuasa sekarang iaitu sebanyak RM26.7 juta kepada Negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemberian di bawah Fasal (1) Perkara 112C adalah tertakluk kepada kajian semula seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 112D. Menurut Perkara 112D, kajian semula boleh diadakan pada bila-bila masa selepas tempoh pertama berakhir sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Kajian semula Pemberian Khas Negeri Sabah telah dilakukan pada tahun 2014, walau bagaimanapun kajian semula itu telah ditangguhkan atas sebab kedudukan kewangan negara yang tidak mengizinkan pada ketika itu. Penangguhan tersebut dibuat setelah mengambilkira Perkara 112D(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan hendaklah di ambil kira semasa kajian dilakukan

disamping keperluan Negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 4 Ogos 2017, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk mengkaji semula Pemberian Khas Negeri Sabah. Mesyuarat rundingan yang pertama dengan Kerajaan Negeri Sabah dijangka akan diadakan pada bulan Disember 2017.

95

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN : 42**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan memberi jaminan bahawa mutu perkhidmatan Feri Pulau Pinang akan dinaiktarafkan setelah kuasa pengurusannya diberi kepada Kumpulan Prasarana. Apakah peruntukan dana bagi pembaikan aset dan infrastruktur bagi tempoh tiga tahun dari 2018 hingga 2020.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Prasarana Malaysia Berhad telah mencadangkan model penambahbaikan perkhidmatan feri yang dikenali sebagai konsep *Intergrated Transport Orientation Development* (ITOD) atau Pembangunan Integrasi Berasaskan Pengangkutan di Pulau Pinang memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu *mode* di dalam rangkaian pengangkutan awam Pulau Pinang.

Sehubungan itu, kedudukan terminal feri yang terletak bersebelahan dengan stesen bas Rapid di Georgetown dan Butterworth adalah faktor utama yang membolehkan Prasarana menyelaraskan jadual perjalanan feri selari dengan jadual perjalanan bas Rapid Penang. Konsep yang dicadangkan oleh Syarikat Prasarana Malaysia Berhad ini akan membantu memudahkan pergerakan penumpang feri di Georgetown dan Butterworth di mana mereka boleh merancang perjalanan mereka berpandukan jadual perjalanan feri dan bas yang lebih efisien. Konsep yang bakal diaplikasikan oleh Syarikat Prasarana Malaysia Berhad ini dijangka akan menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan feri.

Syarikat Prasarana Malaysia Berhad akan menanggung sepenuhnya kesemua kos-kos dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan feri Pulau Pinang dan fasiliti yang berkaitan yang dianggarkan berjumlah RM117 juta.